

06/12/1998

Soros hina negara (HL)

ek Sulung

KUALA LUMPUR: Pemimpin politik menyelar sikap pedagang mata wang, George Soros yang menuntut supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan, dan menyifatkan perbuatannya itu sebagai angkuh, biadap, keterlaluan, campur tangan dalam urusan politik negara dan menghina kedaulatan Malaysia.

Malah, mereka berpendapat tuntutan Soros supaya bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan daripada penjara, melambangkan kekecewaan beliau yang teramat sangat kerana gagal menggunakan Anwar sebagai alat agenda ekonomi Barat.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Soros tidak mempunyai hak untuk menyingkirkan Perdana Menteri kerana beliau dipilih secara demokrasi melalui pilihan raya.

Beliau menyifatkan kenyataan Soros sebagai biadap dan tidak menghormati keputusan rakyat yang memilih Dr Mahathir untuk memimpin negara ini.

"Kita tidak dapat terima bahawa orang luar yang menyebabkan kegawatan ekonomi rantau ini, adalah orang yang sama meletakkan kesalahan (mengenai kegawatan ekonomi) ke atas pemimpin kita," katanya selepas menghadiri majlis silaturahmi antara pemimpin masyarakat dengan guru di Klang, semalam.

Kelmarin, Soros, pedagang mata wang Yahudi itu mendesak Dr Mahathir disingkirkan, manakala Anwar pula dibebaskan daripada penjara.

Dengan nada rakus, Soros berkata rakyat Malaysia harus menyingkirkan Dr Mahathir kerana dasarnya hanya bertujuan memastikannya terus berkuasa serta menguntungkan sekutu politiknya.

Soros yang juga Pengerusi Pengurusan Dana Soros dan Penasihat Dana Quantum, membuat kenyataan itu di Washington pada Khamis lalu, ketika mempromosi buku barunya The Crisis Of Global Capitalism (Krisis Kapitalisme Dunia).

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, Soros adalah orang yang mengaut keuntungan dengan menekan nilai mata wang sesebuah negara sehingga negara itu menjadi miskin.

Menurutnya, kenyataan Soros itu mengukuhkan semangat rakyat untuk menolak campur tangan asing di negara ini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata kenyataan Soros itu membuktikan wujud pakatan sulit Amerika Syarikat (AS) untuk mencampuri hal ehwal politik negara ini.

Sambil menyifatkan Soros sebagai biadap, beliau berkata kenyataan penyangak mata wang itu senada dengan ucapan Naib Presiden AS, Al Gore di ibu negara, bulan lalu yang menyokong gerakan reformasi.

Katanya, ini membuktikan bahawa negara itu mencuba sedaya upaya untuk mempengaruhi rakyat negara ini supaya membenci pemimpin negara. Soros harus sedar siapakah dia untuk bercakap mengenai Malaysia.

"Biarkan orang Malaysia yang menangani masalah di sini. Kita tidak memerlukan campur tangan mereka," katanya selepas menghadiri majlis perasmian pameran kenderaan `Motorsports 1998' di Pusat Perdagangan dan Konvensyen antarabangsa Subang di Terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, semalam.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu Raya yang juga Presiden MIC, menyifatkan Soros cuba memusnahkan Malaysia secara politik.

Samy berkata, Soros telah memusnahkan ekonomi banyak negara membangun dan sekarang menukar perhatiannya untuk menjatuhkan kerajaan.

Samy berkata: "Berdasarkan motif mementingkan dirinya itu, Soros memilih untuk menghancurkan ekonomi negara membangun".

Naib Pengerusi MCA, Datuk Chua Jui Meng, berkata amalan tidak bermoral penyangak mata wang antarabangsa seperti Soros menyebabkan banyak kesengsaraan secara langsung kepada penduduk rantau ini.

"Kita tahu apa yang sesuai untuk negara. Orang asing tidak perlu memberi tunjuk ajar mengenai cara menguruskan isu politik dalaman atau penyusunan langkah pemulihan ekonomi," katanya.

Di GEORGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Soros dan semua spekulator mata wang perlu disingkirkan daripada menyertai mana-mana pasaran saham jika masyarakat antarabangsa mahu melihat senario pelaburan yang lebih sihat.

Menurutnya, tindakan mereka yang dikuasai sikap tamak, menimbulkan kesengsaraan dan kerumitan kepada sistem pasaran saham di banyak negara hingga menyebabkan jutaan rakyat hidup melarat.

Di KUANTAN: Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kenyataan Soros disebabkan dendamnya terhadap Perdana Menteri.

Katanya, tindakan itu juga membuktikan Soros seorang yang `buta fakta' mengenai negara ini.

Di KUCHING: Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Abang Johari Abang Openg, berkata Soros tidak sepatutnya berkata demikian kerana kerajaan Malaysia dibentuk melalui proses demokrasi iaitu dipilih oleh rakyat.

Di JOHOR BAHRU: Kenyataan Soros yang mahukan Dr Mahathir disingkirkan, manakala Anwar dibebaskan dari penjara membuktikan ada `orang luar' campur tangan dalam hal-ehwal politik negara ini.

Sambil meminta rakyat menolak `sekuat-kuatnya' seruan Soros, Naib Presiden Gerakan, Dr Goh Cheng Teik, berkata sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, Malaysia tidak dapat menerima desakan itu.

(END)